



colloquium
isme
Empowering Local Mind in Art Design
& Cultural Heritage
2016

Empowering Local Mind
In Art Design & Cultural Heritage

3rd ISME International Colloquium 2016


proceeding book

27 & 28
December
2016

Universiti
Teknologi MARA,
Melaka, Malaysia.

In collaboration with:





Empowering Local Mind
In Art Design & Cultural Heritage

3rd ISME International Colloquium 2016

EDITORS AND COMPILERS:

Dr. Azahar Harun
Dr. Rosli Zakaria
Dr. Abd Rasid
Pn. Haslinda Abd Razak
Pn. Liza Marziana Mohammad Noh
En Nadzri Mohd Sharif
En. Shaleh Mohd Mujir
Pn Fatrisha Mohamed Yussof
Pn Anith Liyana Amin Nudin
Pn Ilinadia Jamil
Cik Fazlina Mohd Radzi
Cik Aidah Alias
Cik Nurkhazilah Idris

COVER DESIGN:

Norsharina Samsuri

PUBLISHED BY:

Faculty of Art & Design,
UiTM Melaka
KM26 Jalan Lendu,
78000 Alor Gajah, Melaka
Tel : +606 - 5582094/ +6065582190/ +6065582113
Email : ismefssr@gmail.com
Web : <http://isme2016.weebly.com>
ISBN : 978-967-0637-26-6

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without permission of the copyright holder.



Empowering Local Mind
In Art Design & Cultural Heritage

3rd ISME International Colloquium 2016

Copyright © 2016
Faculty of Art & Design,
UiTM Melaka
KM26 Jalan Lendu,
78000 Alor Gajah Melaka
<http://isme2016.weebly.com>

Content

1	Personification in Marketing Communication: Case Study of Malaysian Brands	9
	<i>Azahar Harun, Mohamed Razeef Abd Razak, Ruslan Abd Rahim, Lili Eliana Mohd Radzuan, Amina Syarfina Abu Bakar</i>	
2	The Image of Man after September 11	21
	<i>Mohd. Shahaarudin Sabu, Mohd. Saharuddin Supar, Hisammudin Ahmad, Shahrin Sulaiman, Ahmad Zuraimi Abdul Rahim, Mohd. Ali Azraei Bebit, Shahrul Munir Mohd Kaulan</i>	
3	The Image Construction of Loro Blonyo Craft in Global Market through Packaging Design that Reflect Local Image	27
	<i>Nanang Yuliantoa, Edy Tri Sulistyoa, Slamet Subiyantoroa, and Nadia Sigi Prameswaria</i>	
4	Game-Based Learning using Visual Spatial Approach for Children with Autism to Improve Social Development: A Pilot Study	32
	<i>Ilinadia Jamil, Fatrisha Mohamed Yussof, Nor Yus Shahirah Hassan, Azzureen Nor Ain Azizuddin and Zainal Kadir</i>	
5	Visual Iklan Berunsurkan Seksual Di Media Internet: Persepsi Golongan Bawah Umur	42
	<i>Fatrisha Mohamed Yussof, Ilinadia Jamil, Azahar Harun, Norsharina Samsuri, Nurkhazilah Idris, Nor Sabrena Norizan</i>	
6	An Iconographical Interpretation Of Street Art In Malaysia	51
	<i>Syafri Amir Muhammad, Nurul Huda Mohd Din, Profesor Dr. Mulyadi Mahamood, Dr. Mumtaz Mokhtar</i>	
7	The Relationship between Place and Hallmark Event; Malaysian Cultural Context	64
	<i>Musaddiq Khalil, Amer Shakir Zainol, Shaliza Dasuka, Liza Marziana, Khazilah Idris, and Fazlina Radzi</i>	
8	Aplikasi Teknik Tempa dan Peleburan dalam Seni Arca Besi Raja Shahriman Raja Aziddin	74
	<i>Liza Marziana Mohammad Noh, Shaliza Dasuki, Nurkhazilah Idris, Fazlina Mohd Radzi, Musaddiq Mohd Khalil Imran</i>	
9	Sulaman Keringkam : Motif Kemasan Sisi Beridentiti Melayu Tempatan	85
	<i>Norhasliyana Hazlin Zainal Amri, Hamdzun Haron, dan Abdul Latif Samian</i>	
10	Malay Aesthetic Concept through Malay Woodcarving Motifs in Visual Artworks	97
	<i>N. A. Hassan, P. Amin, and S. Tohid</i>	
11	Illustrasi Poster Kempen Alam Sekitar dalam Simbol Kebudayaan	106
	<i>Mulyati Binti Mat Alim and Profesor Madya Dr. Abdul Halim bin Husain</i>	
12	Penghayatan Nilai- Nilai Patriotisme Dalam Arca Awam Pelajar Uitm Melaka Sempena Pertandingan Hiasan Patriotisme Daerah Alor Gajah	118
	<i>W. M. Z. Wan Yaacob, N.H. Abdulah, A. Osman, M. F. Samsudin, M. A. A. Bebit, S. M. Mohd Kaulan dan M. S. Sabu</i>	

13	Keunikan Ukiran Patung Kayu dalam Kehidupan Kaum Jah Hut dalam Keperluan dan Kepercayaan	124
	<i>Nor Edzrine Binti Abdullah Sani</i>	
14	Properties of Mandi Bunga (flowering bath) as Malaysian tradition Practice	135
	<i>S. Roslan, R. Legino</i>	
15	Malaysian Batik Painting From 1950 to 2010: A Study on Style	145
	<i>A.E. Mohd Fauzi, N. H. Ghazali and N. H. Ahmad</i>	
16	Interpreting Motif and Pattern in Mohd Nor Mahmud Painting Batik: <i>Pakai Semutar Kain Lepas.</i>	151
	<i>H. Abd Razak, R.Legino, B. Samuri</i>	
17	The Aesthetic of Traditional Lurik in Socio-Cultural Context	157
	<i>E. S.Handayani</i>	
18	Brand Identity on Local Malay Herbal Toiletries Packaging Design as a Potential Tourism Product	162
	<i>Siti Sarah Adam Wan, Noraziah Mohd Razali, Wan Nur Khalisah Shamsudin & Ariff Ali</i>	
19	Budaya Melayu Sebagai Simbol dan Makna Dalam Seni Catan Moden Malaysia	172
	<i>Liza Marziana Mohammad Noh, Hamdzun Haron, Abdul Latif Samian & Tengku Intan Suzila Tengku Sharif</i>	
20	Budaya Visual ‘Seni Kolam’ Dalam Sistem Sosial Masyarakat India	180
	<i>Santhi A/P Letchumanan, Lee Hoi Yeh, Prof. Madya Dr. Abdul Halim Hussain</i>	
21	Cetusan Idea Seni Tekat Perak	198
	<i>Azni Hanim Hamzah, Salina Abdul Manan, Noor Hafiza Ismail & Nur Hikma Mat Yusuf</i>	
22	Chlorophyll Print: An Alternative Approach to Describe Photographic Printing Process Using Nature Based For Photography Students	207
	<i>Dona DLowii Madon, Aidah Alias, Raziq Abdul Samat, Farihan Zahari, Shafira Shaari & Shaharin Sulaiman</i>	
23	Designing Jawi Typeface to Enhance The Quality of Modern Design	218
	<i>Mohamed Razeef Abdul Razak, Prof. Dr. D’zul Haimi Md. Zain, Dr. Azahar Harun, Dr. Saiful Akram Che Cob & Lili Eliana Mohd. Radzuan</i>	
24	Diversification of <i>Batik Jarum</i> Handicraft Art Product to Solidify Community Based Creative Economic Development in Klaten Regency	225
	<i>Margana</i>	

25	Empowering “Girli” Batik Craftswomen to Enhance Family Economy and Develop Tourism Village in Sragen District	236
	<i>Dr. Slamet Supriyadi & Prof. Dr. Sariatun</i>	
26	Identiti Visual Seni Catan Moden Malaysia Melalui Media Campuran Dalam Konteks Kebudayaan	244
	<i>Fairus Ahmad Yusof¹, Prof. Madya. Dr. Abdul Halim Husain</i>	
27	Inovasi Media TMK Dalam Pendekatan Pembelajaran dan Pengajaran Pendidikan Seni Visual Berasaskan Gaya Belajar Visual	274
	<i>Siti Hayati binti Haji Mohd Yusoff</i>	
28	Interpretasi Kandungan Imej Fotografi Digital Sosio-Masyarakat Melayu Berdasarkan Konsep Literasi Visual	291
	<i>Nadzri Mohd Sharif, Meor Hasmadi Meor Hamzah & Nor Fariza Baharuddin</i>	
29	Kartun Akhbar Sebagai Wadah Penyampaian Suara Masyarakat: Suatu Kritikan Terhadap Isu-Isu Semasa	304
	<i>Shaliza Dasuki, Liza Marziana Mohammad Noh, Nurkhazilah Idris, Fazlina Mohd Radzi, Musaddiq Mohd Khalil & Nur Hasliza Abdulah</i>	
30	Kartun Bertemakan Keagamaan Atas Talian: Interpretasi Dakwah dan Sindiran	317
	<i>Fazlina Mohd Radzi, Shaliza Dasuki, Nurkhazilah Idris, Liza Marziana Mohammad Noh & Musaddiq Muhamad Khalil</i>	
31	Keindahan Tengkolok Getam Pekasam Warisan Kesultanan Perak Darul Ridzuan	326
	<i>Liza Marziana Mohamad Noh, Salina Abdul Manan, Azni Hanim Hamzah, Noor Hafiza Ismail & Mohd Hafiz Sabran</i>	
32	Menggembur ‘Memori Kolektif’: Potensi ‘Seni Partisipatori’ Sebagai Media Konservasi Budaya	333
	<i>Diana Ibrahim, M. Hendra Himawan dan Mohd Saharuddin Supar</i>	
33	Model Landskap Bandaraya Islam Di Kawasan Tropika Berdasarkan Empat Faktor Nilai Rekabentuk	343
	<i>N. H Ramle & R. Abdullah</i>	
34	Pelaksanaan PBS Guru-Guru PSV Hilir Perak Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Estetik	352
	<i>Lee Hoi Yeh, Dr. Mohd Zahuri Khairani</i>	
35	Permata Yang Hilang: Pembelajaran Penulisan Seni Khat Dan Jawi	367
	<i>Ainun Jariah Yaacob, Ahmad Rajaei Awang, Mohd Fadil Sulaiman, Mohd. Yazid Misdri</i>	

36	Persona Komunikasi Tipografi di dalam Artifak Kartografi	380
	<i>Wan Juria Emeih Wahed & Ridzuan Hussin</i>	
37	The ‘Me-Too’ Phenomenon in Packaging Design: A Case Study of Malaysian Retail Products	392
	<i>Anith Liyana Amin Nudin, Mohd Amin Mohd Noh, Wan Nur Khalisah Shamsudin, Izwan Abdul Ghafar, Norsharina Samsuri, Nik Narimah Nik Abdullah and Fatrisha Mohamed Yussof</i>	
38	Interaction Design in Collaborative Augmented Reality (AR) Story-book for Children	403
	<i>Lili Eliana Mohd Radzuan, Wan Nur Khalisah Shamsudin, Siti Nurlzaura Razis, Azahar Harun and Mohamed Razeef Abd Razak</i>	
39	Analisis Proses Penghasilan Lakaran Awal Dari Segi Penggunaan Material, Idea dan Pengisian (Contents) Mengikut Bidang-Bidang yang Terdapat di Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Melaka: Kajian Kes Pameran Think Things Pada Tahun 2016	410
	<i>Salmah Ali, Hisammudin Ahmad, Haslinda Razak, Wan Nor Ayuni Wan Mohd Zain, Norsharina Samsuri, Nurkhozilah Idris dan Muhammad Fitri Samsuddin</i>	
40	Corporate Rebranding Design of Oil and Gas Company in Malaysia: Case Study of SMART Petrol	423
	<i>Amina Syarfina Abu Bakar, Azahar Harun, Mohamed Razeef Abd Razak</i>	
41	Apresiasi Karya Seni Catan ‘Siri Dungun’ Dalam Pendekatan Etnomatematik	434
	<i>Rushana Bte Sulaiman @ Abd Rahim, Rushana Bte Sulaiman @ Abd Rahim</i>	
42	Aturan Pertiga (Rule Of Thirds) Sebagai Elemen Baru Dalam Pembelajaran Komposisi Bagi Menghasilkan Karya Seni Catan	449
	<i>Shahariah Mohamed Roshdi, Hisammudin Ahmad, Mohd Haniff b. Mohd Khalid, Dr. Abd. Rasid Ismail, Fazlina Mohd Radzi, Nur Hasliza Abdulah, Nurul Izza Ab. Aziz</i>	
43	Kempen Budi Bahasa Melalui Senireka Bentuk Pembungkusan Produk SME	461
	<i>Farhanah Abu Sujak, Siti Raba’ah Abdul Razak, Nurul Akma Abdul Wahab, Nurin Elani Makrai</i>	
44	Participatory Art Project To Develop The Creative Potential Of Students Of Senior High School In Surakarta	470
	<i>Adam Wahida</i>	
45	Pemikiran Visual Terhadap Permainan Ceper Berasaskan Sistem Sosial Budaya	479
	<i>Zulpaimin bin Hamid, Prof. Madya Dr. Abdul Halim bin Hussain</i>	

46	Pengaruh Elemen Vegetal Dalam Seni Mushaf Nusantara	493
	<i>Nurul Huda Mohd Din, Syafril Amir Muhammad, Prof. Dr. D'zul Haimi Md Zain, Dr. Mumtaz Mokhtar</i>	
47	Puppet Staging through Media Creation Workshop as the Development of Character Building Model for the Marginal in Bengawan Solo Riverbanks	509
	<i>Endang Widiyastuti</i>	
48	Rattan Furniture Design: A Comparison Study between Malaysia and Indonesia Design Trend	520
	<i>Muhammad Muizzuddin Bin Darus, Dr. Ruwaidy Bin Mat Rasul, Abu Bakar Bin Abdul Aziz, Nurhikma Binti Mat Yusof, Dr Deny Willy Junaidi</i>	
49	Seni sebagai Praktis Sosial: Garis Teori dan Amalan Dalam Seni Rupa Kontemporari Malaysia	529
	<i>Diana Ibrahim, Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, and Yusmilayati Yunus</i>	
50	Struktur Reka Bentuk Mimbar Masjid Baru Terengganu	541
	<i>Noor Hafiza Ismail, Hamdzun Haron, Zuliskandar Ramli, Salina Abdul Manan & Azni Hanim Hamzah</i>	
51	Tapak Warisan Arkeologi Lembah Bujang: Keunikan Arkeopelancongan Di Negeri Kedah	549
	<i>Farhana Abdullah, Adnan Jusoh, Nasir Nayan & Zuliskandar Ramli</i>	
52	Study On Symbolism Of Malay Islamic Cultural Heritage In Malaysian Visual Arts : Found In Syed Ahmad Jamal Artworks	558
	<i>Nurkhazilah Idris, Liza Marziana Mohammad Noh, Shaliza Dasuki, Fatrisha Mohd Yusoff, Fazlina Mohd Radzi, Musaddiq Muhamad Khalil</i>	
53	Temporary Evacuation and Relief Centre Design Management in Malaysia: an Overview	569
	<i>Dr Ruwaidy Bin Mat Rasul, Muhammad Muizzuddin Bin Darus, Abu Bakar Bin Abdul Aziz</i>	
54	The Cotton Cloth Qur'an binding of the East Coast of the Malay Peninsula	577
	<i>Ros Mahwati Ahmad Zakaria</i>	
55	The Roles of Interactive Multimedia Learning Android-based Application for Primary Schools Teachers	585
	<i>Tjahjo Prabowo, Mohamad Suhartob, Mulyanto, Nadia Sigi Prameswari</i>	
56	The Status Quo of Malaysian Printmaking	592
	<i>Siti Safura Zahari, Nur Fatiyah Roslan, Nurin Elani Makrai, Nor Arseha Karimon, Mohd Fawazie Arshad and Romli Mahmud</i>	

Keindahan Tengkolok Getam Pekasam Warisan Kesultanan Perak Darul Ridzuan

Liza Marziana Mohamad Noh¹, Salina Abdul Manan², Azni Hanim Hamzah³,
Noor Hafiza Ismail⁴ & Mohd Hafiz Sabran⁵

^{1,3}Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA, Kampus Melaka

^{1,4} Institut Alam & Tamandun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43000 Bangi, Selangor

^{2,5}Kolej Komuniti Batu Gajah, Pusat Bandar Baru, 31000, Batu Gajah, Perak.

*pengarang: lizamarziana@ymail.com

Abstrak- Tengkolok merupakan salah satu hiasan kepala lelaki Melayu yang amat terkenal sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka sehingga kini. Setiap negeri memiliki reka bentuk tengkolok yang berbeza walaupun mempunyai nama yang sama. Negeri Perak Darul Ridzuan adalah sebahagian daripada negeri di tanah Melayu yang memiliki reka bentuk tengkolok yang tersendiri. Persoalannya adakah reka bentuk tengkolok di negeri Perak itu indah? Bagi menjelaskan perkara ini penulis menggunakan penelitian kualitatif dengan pendekatan kebudayaan iaitu dengan mengumpul data-data bertulis ataupun visual. Kaedah wawancara dan observasi digunakan dalam mengumpul data mengenai tengkolok di negeri Perak. Hasil penelitian di dapati terdapat beberapa aspek keindahan dalam menghasilkan tengkolok di negeri Perak iaitu teknik lipatan dan makna di sebalik reka bentuknya. Oleh itu, tengkolok Getam Pekasam yang merupakan salah satu reka bentuk tengkolok yang masih diguna pakai di Kesultanan Perak Darul Ridzuan akan dibincangkan di dalam kertas kerja ini. Selain itu, penulisan mengenai keindahan tengkolok Getam Pekasam ini dapat memberi peluang kepada generasi muda dalam mengenali warisan seni budaya Melayu. Justeru itu, keindahan tengkolok ini dapat memelihara budaya Melayu daripada terus pupus ditelan zaman.

Kata Kunci: Keindahan, Reka bentuk, Tengkolok, Getam Pekasam dan Warisan Perak

1. PENGENALAN

Pakaian merupakan salah satu sumber asas yang penting kepada kehidupan manusia. Selain menjadi sumber asas kepada kehidupan, ia telah digayakan dengan pelbagai rekaan terkini mengikut arus pemodenan. Oleh itu, tidak

ketinggalan juga fesyen pakaian Melayu yang masih terpelihara dan diguna pakai sehingga ke hari ini. Budaya tempatan ini adalah warisan seni Melayu yang mesti dijaga dan dipelihara dengan baik. Pakaian Melayu yang masih terpelihara adalah hiasan kepala. Hiasan kepala ini merupakan salah satu warisan seni budaya tempatan yang harus dipelihara dan diwarisi keseniannya untuk generasi muda akan datang. Menurut Mohd Kassim (1990), hiasan kepala orang Melayu ini khususnya tengkolok adalah penutup kepala yang digunakan oleh lelaki Melayu pada masa dahulu. Selain itu, Roslan (1996) menyatakan bahawa pakaian seseorang lelaki Melayu tidak akan lengkap jika hanya berbaju Melayu dan bersamping tanpa memakai tengkolok. Bagi kesultanan Perak Darul Ridzuan, terdapat beberapa jenis tengkolok yang diguna pakai pada zaman dahulu. Di negeri Perak terdapat beberapa jenis tengkolok seperti Ayam Patah Kepak, Patah Kepak, Belah Mumbang, Balung Ayam, Mumbang Belah Dua, Pucuk Pisang Patah, Anak Gajah Menyusu, Lang Menyongsong Angin, Menyongsong Angin, Lang Sioh, Tengkolok Sering, Helang Mengeram, Getam Pekasam, Megat Terawis, Destar Kreatif, Sekalung Bunga Selingkar Rotan dan Alang Iskandar (Wan Yahya, 2006). Namun, menurut Mohamad Dzulkarnain (2014), temu bual peribadi pada 6 Mac 2014 bahawa pada masa kini kesultanan Perak Darul Ridzuan hanya mengguna pakai tiga jenis tengkolok sahaja iaitu Ayam Patah Kepak, Helang Menyusur Angin dan Getam Pekasam.


Hiasan kepala orang Melayu ini memiliki keistimewaan dari segi rupa dan bentuk. Keistimewaan ini menjadikan tengkolok salah satu hiasan kepala lelaki Melayu yang terkenal sehingga kini walaupun pemakaiannya tidak sekerap zaman dahulu. Pemakaian tengkolok pada masa kini hanya dapat dilihat pada majlis rasmi di istana dan ketika menjadi raja sehari. Menurut Mohd Kassim (1990), hiasan kepala orang Melayu ini terbahagi kepada empat jenis iaitu cucuk sanggul, sikat atau sisir rambut, penutup kepala dan mahkota. Tengkolok merupakan sebahagian daripada penutup kepala. Terdapat dua bahagian di dalam penutup kepala iaitu untuk lelaki dan wanita Melayu. Jika lelaki Melayu bertengkolok maka wanita Melayu pula berselendang sebagai penutup kepala dan digunakan ketika keluar dari rumah. Kelengkapan busana Melayu adalah digayakan dengan kain panjang yang dikenali sebagai selendang (Siti Zainon, 1997). Tujuan hiasan kepala ini direka adalah untuk memelihara kekemasan rambut. Kekemasan rambut orang Melayu dijaga dengan begitu indah sekali.

2. REKA BENTUK TENKLOK GETAM PERKASAM

Reka bentuk tengkolok Getam Pekasam (GP) merupakan salah satu reka bentuk tengkolok yang masih diguna pakai di kesultanan Perak Darul Ridzuan. Reka bentuk GP ini diguna pakai oleh bentara lelaki, jejawat iaitu pemegang tombak dan payung istiadat serta kalur iaitu pemain nobat. Terdapat dua ejaan bagi nama tengkolok ini iaitu Getam Pekasam (Raja Azizulakhir, 2014) dan Ketang Pekasam (Mohd Hoessein, 1962). Getam Pekasam adalah istilah yang biasa digunakan oleh pengikat tengkolok di Perak pada masa kini. Perbezaan ejaan

nama ini berkemungkinan disebabkan oleh cara sebutan pengikat tengkolok zaman dahulu yang menjadikan ia berbeza (Mohamad Dzulkarnain Osman, 2014).

Walaupun terdapat pelbagai ejaan nama untuk reka bentuk ini namun bentuknya tetap sama. Reka bentuk tengkolok GP ini berbeza dengan reka bentuk tengkolok yang lain di mana reka bentuknya menutupi keseluruhan kepala. Reka bentuk ini menyamai seperti kopiah, serban atau songkok. Reka bentuk tengkolok ini mempunyai puncak kain yang berbentuk segi tiga yang menandakan ini adalah bahagian hadapan tengkolok seperti



Gambar 1 di bawah. Gambar 1: Pandangan hadapan (A) dan Pandangan belakang (B)


3. TEKNIK GUBAHAN TENGGOLOK GETAM PEKASAM (GP)

Setiap reka bentuk tengkolok di negeri Perak mempunyai teknik lipatan tengkolok yang tersendiri. Asas utama di dalam teknik gubahan tengkolok ialah teknik lipatan asas. Teknik ini merupakan teknik menggunakan ukuran tiga jari yang menjadi penanda bagi lima lipatan asas yang pertama. Setelah teknik lipatan asas dibuat, seterusnya adalah teknik simpulan garam sebuku. Namun bagi reka bentuk tengkolok Getam Pekasam, ia merupakan satu-satunya reka bentuk yang tidak mempunyai simpulan garam sebuku. Oleh itu, teknik gubahan ini akan dimulai dengan teknik lipatan asas.

3.1 Teknik lipatan asas

Teknik asas lipatan tengkolok ini adalah teknik yang diguna pakai pada masa kini oleh pengikat tengkolok di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar. Langkah A adalah menyediakan kain tengkolok yang mempunyai alas dalam iaitu lapik tanpa gam. Ratakan kain tengkolok segi tiga tadi agar semua permukaan dalam keadaan rata tanpa sebarang gelembung. Langkah B pula adalah ambil ukuran tiga jari dan acukan pada permukaan tengah kain tengkolok. Jika ukuran jari lelaki, ambil ukuran tiga jari manakala jika bagi wanita ambil ukuran empat jari kerana jari wanita lebih kecil berbanding dengan jari lelaki.

Setelah ukuran tiga jari diambil, pastikan ukuran tiga jari itu dilurut sehingga ke hujung penjurukan kain. Ini adalah bagi memastikan semua bahagian lipatan mempunyai ukuran yang sama. Langkah C adalah melipatkan saiz ukuran tiga jari tadi sehingga ke puncak kain. Lipatan mesti berbaki sejengkal daripada puncak kain seperti gambar pada Langkah D di bawah. Setelah selesai lipatan tadi, kain tengkolok diangkat, diterbalikkan dan diletakkan pada bahagian lutut. Ini adalah kerana ukur lilit lutut seseorang adalah sama dengan ukur lilit kepala (Kajian Lapangan, 2014).



Gambar 2: Teknik lipatan asas tengkolok


3.2 Teknik Gubahan Solek

Dalam mengubah tengkolok Getam Pekasam, terdapat sembilan langkah kerja seperti jadual 2.0 di bawah. Langkah kerja ini merupakan hasil kerja tangan salah seorang pengikat tengkolok di negeri Perak iaitu Mohamad Dzulkarnain Osman. Beliau merupakan Panglima Perang Kanan di Istana Iskandariah Kuala Kangsar merangkap pengikat tengkolok Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah.

Langkah pertama, Kain tengkolok direntangkan dan ambil ukuran empat jari. Dengan menggunakan ukuran empat jari tadi, acukan pada bahagian tengah kain dan dilurut sehingga ke hujung kain. Bagi langkah kedua, Setelah kain dilipat sebanyak dua kali, letakkan di atas lutut. Pastikan puncak kain tengkolok perlu berada di bawah bahagian lutut dan menghadap ke badan pengikat. Tarik dan samakan hujung kedua-dua kain. Bahagian kiri hujung kain dililit ke sebelah kanan lutut. Manakala hujung kain sebelah kanan dililit ke sebelah kiri lutut bagi langkah ketiga. Seterusnya langkah keempat, Hujung kain itu disemat

dengan jarum peniti. Manakala langkah kelima adalah dengan mengangkat dan pusingkan tapak tengkolok sehingga bahagian puncak kain berada di bahagian atas lutut.

Langkah keenam pula adalah dengan menekan kedua-dua bahagian kiri dan kanan kain dengan menggunakan ibu jari. Bagi menentukan bahagian yang perlu di tekan, ibu jari perlu berada di atas lutut. Setelah dipastikan bahagian tekanan tadi, maka kain tengkolok di lipat menghala ke badan pengikat bagi langkah ketujuh. Bagi langkah kelapan pula, lipatan tadi perlu disemat pada bahagian tapak tengkolok dan puncak kain yang berbentuk segi tiga kecil perlu ditinggalkan. Segi tiga kecil ini perlu berada di tengah-tengah bahagian tapak tengkolok. Akhir sekali iaitu langkah kesembilan, angkat dan keluarkan tengkolok dari bahagian lutut dan letak di atas lutut. Permukaan atas tengkolok di buat satu tekanan bagi menghasilkan lekuk pada bahagian tengah dengan menggunakan ibu jari kanan (Kajian Lapangan, 2014).



Gambar 2: Langkah kerja gubahan tengkolok Getam Pekasam

4. MAKNA DI SEBALIK REKA BENTUK TENGGKOLOK GETAM PEKASAM

Keindahan reka bentuk tengkolok Getam Pekasam (GP) yang seterusnya ialah makna disebalik reka bentuknya. Tengkolok GP memiliki reka bentuk yang menutupi penuh bahagian atas kepala. Melihat kepada bahagian atasnya yang tertutup penuh, reka bentuk ini telahmendapat ilham daripada salah satu proses pembutaan makanan yang terkenal di negeri Perak iaitu ikan pekasam. Ikan pekasam dihasilkan melalui satu proses pemerapan yang digaul bersama beras dan garam. Proses pemerapan ini dihasilkan dalam satu bekas tempayan khas dan tertutup. Tempoh masa sebulan diambil bagi proses pemerapan ini sebelum ikan pekasam boleh dimakan. Begitu indah hasil rekaan orang Melayu yang dapat menjadikan proses pemerapan ikan pekasam sebagai salah satu sumber

ilham bagi mereka bentuk tengkolok GP.

Oleh itu, disebalik reka bentuk tengkolok GP yang tertutup penuh ini mempunyai makna disebaliknya. Makna ini menjerus kepada sifat amanah. Sifat amanah yang dimaksudkan ialah menyimpan rahsia. Di Istana Iskandariah Kuala Kangsar, reka bentuk tengkolok GP digunapakai oleh bentara lelaki, jejawat iaitu pemegang tombak dan payung ketika majlis istiadat dan kalur iaitu pemain nobat. Justeru itu, mereka tidak terlepas daripada mengetahui tentang perihal yang berlaku di dalam istana. Maka dengan itu, menurut Badrol (2013), mereka harus memiliki sifat amanah yang memegang segala rahsia istana daripada pengetahuan umum. Asmad (1990) memerihalkan bahawa kejujuran, berani, bijaksana, berlaku adil dan bertata-tertib adalah dapat menyesuaikan diri dengan orang lain. Ini merupakan sifat-sifat budi pada diri secara peribadi. Dalam sifat jujur mengandungi erti amanah iaitu melakukan sesuatu yang betul mengikut jalan yang benar.

Selain itu, Hashim (2008) dalam penulisan Tennes Effendy yang bertajuk Tunjuk Ajar Melayu dan Ethos Kerja memerihalkan sifat amanah seperti berikut;

Orang amanah membawa tuah

Orang amanah hidup berruarah

Orang amanah dikasihi Allah

Siapa hidup memegang amanah

Dunia akhirat beroleh berkat

Berdasarkan kepada petikan di atas, dapat dirumuskan bahawa sifat amanah ini mempunyai nilai yang teristimewa. Melalui sifat amanah ini, ia dapat memberikan satu kehidupan yang tinggi darjatnya disisi Yang Maha Esa. Selain itu, orang yang mengamalkan sifat amanah ini juga mendapat keberkatan hidup di dunia dan akhirat. Oleh itu, makna disebalik reka bentuk tengkolok GP ini dapat menunjukkan ketinggian ilmu pemikiran orang Melayu terdahulu dalam mendidik sifat amanah.

5. RUMUSAN

Melalui kajian yang telah dijalankan didapati bahawa tengkolok negeri Perak Darul Ridzuan memiliki keindahan yang tersendiri dalam setiap reka bentuknya. Keindahan yang dimiliki ini harus dipelihara dan diwarisi oleh generasi muda pada masa kini. Keindahan tengkolok Perak ini mesti dipelihara dengan baik. Oleh itu semua pihak harus mengambil tanggungjawab dalam memelihara seni warisan Melayu khusus kepada pengikat tengkolok.

RUJUKAN

- [1]. Badrol Hisham Abd. Rahman (Temu bual, September 2013) Makna di sebalik tengkolok. Muzium Negara, Kuala Lumpur.
- [2]. Asmad. 1990. Kebudayaan Secara Umum. Melaka: Associated Educational Distributors (M) Sdn. Bhd.
- [3]. Mohd Kassim Hj. Ali (1990). Barang Kemas Melayu Tradisi. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka
- [4]. Mohd Hoessein Enas. 1962. Malaya in History: Malay Tengkolok – Court Head dresses in Perak, Terengganu and Kelantan compared: with illustration from the National Museum. The Malayan Historical Society in Kuala Lumpur.
- [5]. Mohamad Dzulkarnain Bin Osman. Penglima Perang Kanan Istana Iskandariah. 6 Mac 2014 [6] Roslan Bidin (1996). Tengkolok Lambang Ketampanan Jejaka. Warisan Indera Kayangan, Jurnal Jawatankuasa Gerakan Membaca Perlis, 21-22
- [7]. Raja Azizulakhir Raja Harun Al Rashid. 2014. Proses Pembuatan Tengkolok Perak, Ipoh. Temu bual, 22 Mei.
- [8]. Siti Zainon Ismail. (1997). Busana Melayu Johor. Shah Alam. Penerbitan Fajar Bakti Sdn Bhd
- [9]. Wan Yahya Abdullah (2004). Destar Warisan Koleksi Terpilih. Kuala Lumpur. Jabatan Muzium dan Antikuiti. [10] Tennes Effandy. 1989. Ungkapan Tradisional Melayu Riau. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka.